

18 JAN 2002

Mahathir-Pendatang (Bergambar)

BALIK JIKA MAHU TIMBULKAN KEKACAUAN, KATA PM KEPADA PEKERJA ASING

JITRA, 18 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta pendatang asing yang bekerja di negara ini supaya jangan menimbulkan kekacauan yang boleh menggugat keamanan.

Beliau berkata sekalipun kerajaan tidak suka melihat pekerjaan di negara ini diisi oleh pekerja asing, ia terpaksa merelakan mereka bekerja di Malaysia kerana sesetengah bidang pekerjaan kekurangan tenaga pekerja tempatan.

"Tolonglah nyah balik ke negara sendiri (kalau mahu menimbulkan kekacauan)," katanya.

Semasa berucap pada majlis ramah mesra bersama pegawai kerajaan daerah Kubang Pasu di sini, Dr Mahathir berkata ramai orang asing yang datang mencari kerja di negara ini dan kerajaan membenarkan selagi mereka tidak menimbulkan masalah.

Awal pagi semalam, sekumpulan 500 pekerja Indonesia yang menginap di asrama sebuah kilang tekstil di Nilai, Negeri Sembilan telah merusuh dan menyerang anggota polis yang menjalankan operasi pencegahan dadah di situ.

Mereka bertindak ganas kerana membantah penahanan 16 rakan mereka yang disahkan positif dalam ujian air kencing bagi mengesan dadah itu.

Pekerja Indonesia yang bersenjatakan parang, pisau, kayu dan batu itu juga memecahkan pintu dan cermin asrama sebelum membuang pecahan kerusi di merata kawasan kilang serta turut merosakkan sekurang-kurangnya empat kenderaan polis.

Dr Mahathir berkata kebanjiran pendatang asing di negara ini boleh menyebabkan berlakunya situasi tidak sihat dalam sektor pekerjaan.

"Kita harus berhati-hati. Kalau ramai pendatang asing bekerja di sini, ia seolah-olah seperti kita terlalu bergantung kepada mereka yang akhirnya menjadikan sesetengah bidang pekerjaan kita dikuasai oleh mereka," katanya.

Menyentuh satu isu lain, Perdana Menteri menolak dakwaan pihak tertentu kononnya kerajaan mengambil kesempatan daripada peristiwa serangan pengganas di Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas untuk melumpuhkan parti lawan.

Katanya penahanan beberapa anggota Kumpulan Militan Malaysia yang juga anggota parti lawan itu dilakukan oleh pihak berkuasa sebelum kejadian 11 Sept itu.

"Walaupun mereka yang ditahan itu adalah anggota parti lawan, tetapi mereka hanya ahli biasa atau setakat pemimpin kerdil. Kalau kita berhasrat untuk melumpuhkan parti lawan, tentunya kita akan menahan pemimpin utama mereka," katanya tanpa menyebut parti berkenaan.

Dr Mahathir berkata penangkapan terhadap anggota kumpulan itu dibuat kerana mereka terbukti terbabit dalam aktiviti militan seperti cuba menjatuhkan kerajaan secara kekerasan.

"Mereka terlibat dengan pembunuhan seorang wakil rakyat di Kedah selain serangan ke atas Balai Polis Guar Chempedak, rompakan bank dan cuba meletupkan beberapa tempat," katanya.

-- BERNAMA

MAN MZM RON